

2 terima Pingat Jaya Cemerlang

BH 3/9/07

Oleh Mohd Roji Abdullah

BATU PAHAT: Dua bekas pelajar Sekolah Menengah Teknik (SMT) Bukit Piatu, Melaka, mencatat sejarah tersendiri apabila terpilih menerima Anugerah Diraja iaitu Pingat Jaya Cemerlang pada Majlis Konvokesyen Ke-6, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), semalam.

Pelajar cemerlang itu, Hanafi Khamis, 23, pemegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Lim Chin Wei, 24, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Pembinaan) menerima anugerah masing-masing daripada Canselor UTHM, Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar.

Hanafi berkata, beliau tidak menyangka menerima anugerah tertinggi itu bersama rakan sekolahnya dan menganggap kejayaan mereka itu sebagai membalas jasa guru di SMT Bukit Piatu, yang banyak mendorong mereka untuk berusaha mencapai kejayaan pada peringkat pe-

ngajian tinggi.


Kedua-dua pelajar itu mengakui bukan antara pelajar cemerlang di sekolah mereka. Pada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Hanafi hanya mendapat 2A, manakala Lim 4A.

"Kegagalan mencapai keputusan cemerlang pada SPM membakar semangat saya untuk terus berusaha, belajar bersungguh-sungguh bagi meningkatkan lagi pencapaian pada pengajian tinggi.

"Sejak bangku sekolah rendah lagi, saya bukanlah di kalangan pelajar pintar; tetapi Alhamdulillah... hari ini saya berjaya mencapai kecemerlangan dan saya bertekad untuk terus memburu kecemerlangan dalam akademik dan kerjaya pada masa depan," katanya yang masih menunggu tawaran untuk menjadi pendidik.

Anak bongsu daripada empat beradik kelahiran Merlimau, Melaka itu berkata, bapanya, Khamis Mohd Isa dan ibunya, Fatimah Tahir, sentiasa memberi semangat kepada mereka untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik.

Sementara itu, Lim yang sudah lapan



SYABAS: Tunku Ibrahim Ismail bermesra dengan Hanafi (kanan) dan Lim (kiri) pada Majlis Konvokesyen Ke-6, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), semalam.

bulan bertugas sebagai jurutera awam di IJM Construction (Middle East) di Dubai, berkata kejayaan abangnya mendorong beliau untuk berusaha mencapai keputusan cemerlang.

"Abang saya sudah berjaya menjadi jurutera kimia dan kini bertugas dengan loji Petronas di Labuan. Saya

memang sentiasa mahu menyaingi abang tetapi tak sangka pula mendapat kejayaan cemerlang sehingga menerima anugerah ini.

"Seperti Hanafi, saya juga bukanlah pelajar cemerlang di sekolah, tetapi apabila diterima melanjutkan pelajaran di UTHM, saya bertekad untuk

belajar bersungguh-sungguh selain mengikuti pelbagai program kokurikulum yang dianjurkan. Ternyata usaha saya itu tidak sia-sia," katanya.

Lim kembali ke tanah air tiga hari lalu semata-mata untuk menghadiri majlis konvokesyen itu dan akan balik semula ke Dubai, Jumaat ini.